

14/02/1998

Lawan dianggap bantah presiden

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Calon yang menentang ketua bahagian dalam mesyuarat agung masing-masing di negeri ini bulan depan, boleh dianggap membantah larangan pucuk pimpinan supaya tidak berlaku perlawanan.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata walaupun peraturan tidak melarang pertandingan dalam setiap mesyuarat agung, larangan pucuk pimpinan parti perlu dipatuhi.

"Saya sudah memberitahu kepada semua bahagian di negeri ini, apabila berlaku pertandingan akan melahirkan bibit perpecahan, sedangkan negara mahu rakyat bersatu padu menumpukan kepada usaha memulihkan ekonomi.

"Kepada yang tidak bertanding diucapkan terima kasih dan inilah masanya ahli Umno perlu menunjukkan kesetiaan kepada pucuk pimpinan terutama bagi menangani banyak masalah negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan sijil Kursus Pengurusan Cawangan, di Wisma Darul Iman di sini beliau kesal kerana negara asing sangat menghormati pucuk pimpinan Malaysia, sedangkan ada segelintir ahli Umno tidak berbuat demikian.

Berita Harian difahamkan, tiga bahagian akan berlaku pertandingan merebut jawatan ketua iaitu Besut, Hulu Terengganu dan Dungun. Bahagian lain hanya berlaku pertandingan diperingkat naib ketua dan jawatankuasa.

Manakala di peringkat Pergerakan Pemuda, kecuali Kemaman semua bahagian lain akan berlaku pertandingan disebabkan kebanyakan daripadanya dikosongkan kerana ketua yang ada sekarang cukup umur.

Wan Mokhtar berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka akan merasmikan pelancaran Program Pertanian Terengganu Maju akhir bulan ini.

(END)